

# Pameran Seminar Bahasa Melayu 2014

## Pameran Berkaitan Program Bahasa

### *Kios 1*

---

- Tajuk: Kemahiran Interaksi Lisan dan Penulisan Menerusi Aktiviti Budaya
- Nama Sekolah: Sekolah Rendah Tampines
- Sinopsis: Program Dwibudaya dilakarkan dengan fokus utama, iaitu untuk para murid P3 & P4 yang berkemahiran tinggi. Program ini bertujuan untuk memberi peluang kepada murid membina dan menambah nilai dalam kemahiran interaksi lisan dan kemahiran interaksi menulis. Tema untuk murid Darjah 3 ialah pengenalan pada budaya melalui makanan tradisional. Tema untuk murid Darjah 4 ialah kewarganegaraan, keperwiraan dan kecintaan kepada negara melalui tokoh perwira Leftenan Adnan Saidi. Aktiviti-aktiviti yang dilakarkan termasuklah pengenalan akan nama-nama dan bahan semasa persiapan membuat makanan tradisional, lawatan ke tempat bersejarah dan aktiviti susulan yang berbentuk interaktif. Sealiran dengan falsafah sekolah kami bahawa setiap murid mampu belajar dan berjaya, kami berharap Program Dwibudaya ini menjadi pemangkin untuk menanam minat dan cinta para murid kepada budaya Melayu lalu dapat membuka ruang kepada murid mempelajari bahasa dan budaya Melayu ke peringkat yang lebih tinggi.

## *Kios 2*

- Tajuk: Jejak Warisan @ TPSS
- Nama Sekolah: Sekolah Menengah Tampines
- Sinopsis: Jejak Warisan @ TPSS merupakan satu projek perintis oleh Jabatan Bahasa Melayu Sekolah Menengah Tampines bermula tahun 2013. Jejak Warisan @ TPSS ini telah dirancang berdasarkan tema lima kelopak Budi yang diuar-uarkan dalam Bulan Bahasa. Program seumpama '*Amazing Race*' ini melibatkan pelajar-pelajar Menengah 1 TPSS serta pelajar-pelajar yang dijemput dari sekolah-sekolah kelompok E6. Semasa menjalani aktiviti ini, para pelajar dikehendaki menyelesaikan beberapa cabaran dalam bentuk permainan tradisional dan menjawab soalan-soalan bertemakan Budaya dan Bahasa Melayu. Sambutan yang amat menggalakkan daripada sekolah-sekolah kelompok E6 telah memberi semangat kepada kami untuk menebarkan program ini ke peringkat nasional.

## *Pameran Berkaitan pedagogi*

## *Kios 3*

- Tajuk: Pengajaran Unjuk dan Ujar secara sistematik
- Nama Sekolah: Sekolah Rendah Jurong
- Sinopsis: Murid-murid daripada darjah 1 hingga darjah 4 ini dilatih dengan langkah-langkah yang perlu dilakukan sebelum, semasa dan selepas penyampaian unjuk dan ujar. Murid-murid dibimbing untuk melakukan unjuk dan ujar dengan sistematik. Mereka diajar untuk mengikuti carta melakukan unjuk dan ujar. Mereka juga diajar untuk menilai lakonan rakan sebaya. Selain itu, Guru turut menggunakan kayu penanda '*Baik*' dan '*Syabas*' sebagai bahan pengajaran serta bahan penilaian rakan sebaya .

## *Kios 4*

- Tajuk: Model Metakognitif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Penulisan Karangan Bergambar
- Nama Sekolah: Sekolah Rendah Chongfu
- Sinopsis: Secara am, murid-murid menghadapi kesukaran untuk meraih Kepujian atau Cemerlang bagi Isi secara tekal dalam soalan karangan bergambar. Hal ini berlaku kerana beberapa sebab yang ketara, iaitu calon-calon PSLE kekurangan atau kecacatan isi, kurang menggunakan peribahasa dan dialog, serta tiada kesinambungan dalam penulisan. Maka, sebuah model berstruktur (metakognitif) dibangunkan untuk murid-murid agar terima guna dan mengaplikasikan dalam latihan penulisan karangan. Murid-murid darjah 3 dan 4 akan menumpukan kepada proses menjana ilham bagi isi yang digelar ASBBMM, mengatur isi-isi dan menyisip peribahasa-peribahasa manakala murid-murid darjah 5 dan 6 ada tumpuan tambahan iaitu menulis dialog dramatik dan kesinambungan. Dengan model ini, murid-murid mampu merujuk, merancang dan mengawasi kemajuan sendiri di bilik darjah, berdasarkan bantuan visual dan nota semasa berlatih menulis karangan bergambar.

## *Kios 5*

- Tajuk: Dari Cerpen ke Drama - Pembelajaran Nilai Menjadi Lebih Hidup dengan Lakonan!
- Nama Sekolah: Sekolah Menengah Crest
- Sinopsis: 'Daripada Cerpen ke Drama' merupakan modul drama yang telah dijalankan selama sepenggal di Sekolah Menengah Crest. Objektif utama modul ini adalah untuk menyemai nilai melalui drama. Para pelajar diajak berbincang mengenai jalan cerita, watak dan perwatakan, nilai dan pengajaran yang diraih daripada sebuah cerpen terpilih. Para pelajar kemudian melakonkan cerpen tersebut dengan harapan nilai-nilai yang ingin ditekankan melalui perbincangan yang telah dijalankan dapat dijiwai. Selain berpeluang menggunakan Bahasa Melayu dengan berkesan, pelajar juga dapat mencungkil bakat yang ada.

## *Kios 6*

- Tajuk: Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Ekologi Siber
- Nama Sekolah: Sekolah Menengah Ngee Ann
- Sinopsis: Pameran ini mengetengahkan aplikasi, inisiatif dan peralatan ICT yang diguna pakai oleh para guru and pelajar di Sekolah Menengah Ngee Ann dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Guru-guru mereka rancangan pengajaran, menjalankan sesi pelajaran dan bekerjasama dengan para pelajar untuk membina pakej pelajaran yang diadunkan ke dalam skema pengajaran Unit Bahasa Melayu. Berlandaskan budaya inovasi di sekolah, melalui pendekatan D4, rangka kerja Pengajaran untuk Pemahaman (TfU) serta pendekatan BYOD guru-guru membentuk pembelajaran yang bersifat interaktif dalam ekologi siber yang tidak asing dengan para pelajar. Melalui penggunaan teknologi serta media sosial di samping pedagogi yang berkesan dan relevan, para pelajar memperoleh penghayatan dan pemahaman yang lebih mendalam tentang bahasa dan budaya Melayu.

## *Pameran Berkaitan Program Elektif Bahasa Melayu*

### *Kios 7*

- Tajuk: Program Elektif Bahasa Melayu
- Nama Sekolah: Maktab Rendah Tampines, Innova dan Pioneer
- Sinopsis: Kini terdapat tiga buah Maktab Rendah yang menawarkan MLEP, iaitu Maktab Rendah Tampines, Maktab Rendah Innova dan Maktab Rendah Pioneer. Dengan setiap pusat menawarkan program tukikan dan pelbagai aktiviti, program ini memberi peluang kepada para pelajar untuk membentuk kemahiran dwibahasa serta mencapai tahap penguasaan yang lebih tinggi dan pemahaman yang lebih baik tentang bahasa, sastera dan budaya Melayu.